

KEPERLUAN BILIK DEDAHAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI PENYENGKARAAN BEKAS PUNCA (PROJEKTOR GAMA)

LATAR BELAKANG

1. Notis Pemberitahuan ini terpakai kepada pemegang lesen Kelas H yang menjalankan aktiviti penyenggaraan projektor gama yang mengandungi atau direka untuk mengandungi punca radioaktif terkedap Kategori 2.
2. Pemegang lesen hendaklah memastikan semua kerja penyenggaraan dilaksanakan secara selamat dan terkawal serta mematuhi Akta Tenaga Atom 1984 [Akta 304], peraturan-peraturan berkaitan, syarat lesen dan dokumen panduan yang sedang berkuat kuasa.
3. Jabatan Tenaga Atom mengambil maklum bahawa terdapat kekeliruan berhubung keperluan menggunakan bilik dedahan bagi aktiviti penyenggaraan projektor gama, khususnya apabila kerja berkenaan tidak melibatkan pergerakan, pengeluaran, pemindahan, penukaran atau pendedahan punca radioaktif terkedap.
4. Keperluan berkaitan aktiviti penyenggaraan adalah sebagaimana dinyatakan dalam Senarai Semak Lesen Kelas H bagi Aktiviti Khidmat Penyenggaraan (LEM/SS/7) dan *Code of Practice on Radiation Protection in Industrial Radiography* [LEM/TEK/33 Rev.3].
5. Sehubungan itu, Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan bagi menjelaskan keadaan yang mewajibkan penggunaan bilik dedahan serta kawalan keselamatan sinaran minimum bagi aktiviti penyenggaraan projektor gama.

ARAHAN

6. Keperluan menggunakan bilik dedahan hendaklah ditentukan berdasarkan skop dan kaedah kerja, keadaan punca radioaktif terkedap semasa kerja dilaksanakan serta kemungkinan berlakunya pendedahan punca atau dedahan sinaran yang tidak dirancang. Sekiranya terdapat keraguan berkaitan keperluan menggunakan bilik dedahan, penentuan bertulis daripada Jabatan Tenaga Atom hendaklah diperoleh sebelum kerja dimulakan.
7. Bilik dedahan yang telah diluluskan oleh Jabatan Tenaga Atom hendaklah digunakan sekiranya aktiviti penyenggaraan melibatkan mana-mana keadaan berikut:
 - a) punca radioaktif digerakkan keluar daripada kedudukan tersimpan atau terlindung sepenuhnya;

- b) punca radioaktif dikeluarkan, dipindahkan atau ditukar daripada projektor gama;
- c) sambungan antara punca radioaktif dengan kabel kawalan, *source assembly* atau komponen berkaitan dibuka, diuji atau diselaraskan;
- d) ujian fungsi memerlukan punca radioaktif digerakkan ke kedudukan terdedah, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya;
- e) integriti sistem penguncian, perisai atau mekanisme penyimpanan punca tidak dapat dipastikan, atau penilaian risiko radiologi menunjukkan kemungkinan berlakunya dedahan sinaran yang tidak dirancang kepada pekerja atau orang awam; atau
- f) lain-lain keadaan yang ditentukan oleh Jabatan Tenaga Atom dari semasa ke semasa.

8. Pengeluaran, pemindahan atau penukaran punca radioaktif hendaklah dilaksanakan menggunakan peralatan, kemudahan, prosedur dan personel kompeten yang diluluskan atau diterima oleh Jabatan Tenaga Atom. Penggunaan bilik dedahan semata-mata tidak mengecualikan pemegang lesen daripada memenuhi keperluan tersebut.

9. Bilik dedahan tidak diwajibkan bagi kerja pemeriksaan luaran, pembersihan, pelinciran atau penggantian komponen bukan radioaktif dengan syarat punca radioaktif kekal sepenuhnya dalam kedudukan tersimpan dan terlindung, mekanisme penguncian disahkan berfungsi, tiada pembukaan atau pengubahsuaian dibuat pada perisai atau *source assembly*, dan penilaian risiko radiologi mengesahkan bahawa kerja boleh dilaksanakan dengan selamat.

10. Bagi keadaan di mana bilik dedahan tidak diwajibkan, pemegang lesen hendaklah menyediakan prosedur kerja dan mematuhi langkah-langkah yang telah ditetapkan antaranya:

- a) menjalankan pemantauan kadar dos sebelum, semasa dan selepas kerja;
- b) menggunakan alat pengesan sinaran yang sesuai dan masih sah tempoh tentukurannya;
- c) memastikan penggunaan peranti pemantauan peribadi;
- d) mengawal akses ke kawasan kerja;
- e) menyediakan peralatan dan prosedur kecemasan;

f) menyimpan rekod penyenggaraan; dan

g) melakukan pemantauan sinaran.

11. Kerja penyenggaraan hendaklah dilaksanakan oleh pengendali senggaraan yang diiktiraf.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

12. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta. Ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan dalam Notis Pemberitahuan ini boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil oleh Jabatan Tenaga Atom.

Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Atom

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Jabatan Tenaga Atom melalui:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Jabatan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
No. Tel: +603-89225888
E-mel: corporate@atom.gov.my

Laman Web : www.atom.gov.my